

09/10/2003

BN pimpinan Pak Lah mampu terus berkuasa

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR: Ketua Pengarang Kumpulan The New Straits Times Press (M) Bhd (NSTP), Tan Sri Abdullah Ahmad, yakin Barisan Nasional (BN) akan terus berkuasa selepas pilihan raya umum akan datang.

Beliau juga yakin Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mampu menerajui kerajaan dan Umno dengan baik apabila mengambil alih kepemimpinan negara dan parti.

Abdullah menegaskan kejayaan BN itu bergantung kepada apa yang dilakukan atau apa yang tidak dilakukan Umno serta isu yang berbangkit dari sekarang sehingga hari pengundian berbanding apa yang dilakukan pembangkang.

Katanya, pembangkang yang cuba mengetengahkan isu Datuk Seri Anwar Ibrahim, tuduhan kronisme, nepotisme dan rasuah pada pilihan raya umum lalu, akan kalah pada pilihan raya akan datang kerana semakin ramai pengundi yang mengiktiraf kemampuan BN yang sederhana bagi menjamin kesinambungan kejayaan negara.

"Saya menjangka pilihan raya umum akan datang yang perlu diadakan pada atau sebelum November 2004 akan berakhir dengan satu lagi kejayaan besar untuk BN, dengan kira-kira tiga perempat kerusi Parlimen.

"Ia melebihi dua pertiga atau kurang daripada majoriti empat perlima yang kerajaan ini pernah memenangi pada masa lalu.

"Saya tidak fikir pembangkang akan mempunyai cukup isu pada pilihan raya umum akan datang bagi menarik sokongan, selain daripada penyokong tegar mereka. Mungkin mereka boleh melakukannya, tetapi oleh kerana mereka terlalu liat, saya meraguinya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan syarahan dalam bahasa Inggeris bertajuk "Issues In Malaysian Politics: Now and Future" pada siri syarahan umum Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (Inpuma) di Institut Asia-Eropah, Universiti Malaya (UM), di sini, semalam.

Hadir sama, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti Malaya, Tan Sri Mohamed Khatib Abdul Hamid serta kira-kira 100 ahli akademik dan diplomat asing.

Abdullah bagaimanapun tidak yakin BN dapat menawan semula Kelantan pada pilihan raya akan datang, walaupun Umno Kelantan akan memenangi lebih banyak kerusi berbanding sebelumnya.

Katanya, Umno Terengganu mempunyai harapan lebih baik berbanding rakan seperjuangan mereka di Kelantan.

"Di Kedah, Perlis dan juga Pahang dan Selangor, Pas mungkin masih mengharap kejayaan pada pilihan raya akan datang," katanya.

Abdullah berkata, oleh kerana sokongan terhadap pembangkang lebih bergantung kepada kelemahan kerajaan berbanding kekuatan mereka, wujud minat dan spekulasi mendalam berhubung corak kepemimpinan Timbalan Perdana Menteri apabila beliau menggantikan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akhir bulan ini.

Beliau berkata, majoriti berpendapat walaupun pengisian kedua-dua pemimpin adalah hampir sama, Abdullah akan memimpin mengikut caranya tersendiri, malah beliau dilihat lebih mudah dibawa berbincang dan mendengar pendapat orang lain.

"Tapi saya akan menyatakan bahawa ia satu kesilapan besar untuk memandangkan enteng keupayaan beliau untuk mengatakan tidak. Ramai yang sudah mengetahui sendiri perkara ini," katanya sambil menambah Abdullah seorang yang bersih dan mempunyai iltizam yang kuat bagi mewujudkan semula semangat kebangsaan.

Katanya, walaupun Abdullah tidak kekurangan kekuatan moral dan politik, beliau perlu mempunyai kekuatan bagi menguruskan lima cabaran utama yang ditinggalkan Dr Mahathir.

Katanya, cabaran pertama ialah merombak semula sistem pendidikan negara, termasuk mengembalikan status bahasa Inggeris dan mengubah sistem pendidikan agama.

"Kedua, kembali kepada sistem meritokrasi dan memansuhkan secara beransur-ansur dasar perlindungan dan keutamaan.

"Ketiga, ideal masyarakat majmuk dan dalam hal ini biar saya nyatakan bahawa integrasi nasional adalah perjuangan yang paling disukai Datuk Seri Abdullah.

"Keempat, membendung ekstremisme agama, fanatik, chauvinis bangsa dan fasis bahasa. Kelima, pentadbiran yang baik dan Malaysia yang lebih bersih serta selamat," katanya.

Sambil menyanggah tanggapan konon Abdullah akan mempunyai kelemahan atau kekurangan sebagai Perdana Menteri dan Presiden Umno, beliau berkata akan berlaku perubahan besar dalam kepemimpinan sektor awam dan korporat.

Katanya, perubahan kepemimpinan itu juga akan berlaku dalam politik, termasuk Umno dan parti komponen BN lain.

"Saya jangkakan akan berlaku perubahan ketara sebaik saja beliau mendapat mandat baru," katanya sambil menambah beliau akan kecewa jika Datuk Seri Najib Razak tidak menjadi timbalan Abdullah.

Menyentuh perubahan politik, Abdullah berkata, negara sedang mengalami peralihan dan evolusi budaya politik dengan Umno sudah memulakan proses pemerkasaan semula untuk terus relevan kepada pengundi muda dan merampas kembali kedudukan dalam politik Melayu dan negara.

Katanya, sebarang parti yang sentiasa berjaya seperti Umno pastinya melahirkan kumpulan ahli yang bersifat sambil lewa dan mempunyai kepentingan sendiri.

"Umno perlu menghentikan kemerosotan undi di beberapa kawasan Melayu dengan menggantikan pemimpin yang sudah kehilangan kredibiliti dengan pengundi.

"Saya gembira kerana orang Melayu beransur-ansur kembali kepada Umno, tetapi masih banyak yang perlu dilakukan untuk memenangi hati dan kesetiaan mereka," katanya sambil menambah ancaman terbesar terhadap penguasaan politik BN dan kestabilan negara ialah Pas.

Abdullah berkata, perubahan politik ada kalanya berlaku terlalu pantas dan tidak selalunya membawa kepada kebaikan, disebabkan perbezaan ideologi yang dianuti rakyat, khususnya generasi selepas merdeka.

Katanya, ini berbeza dengan keadaan sebelum ini yang berasaskan kepada ideologi nasionalisme yang menyatukan rakyat dan membolehkan pelaksanaan dasar yang menjadikan Malaysia seperti sekarang.

"Bagaimanapun, hari ini kita mempunyai 'youth bulge' iaitu sejumlah besar penduduk muda yang tidak mengharungi kehidupan era kemerdekaan dan menyebabkan anjakan generasi dan perselisihan dalam landskap politik," katanya.

Abdullah berkata, anjakan itu antara lain membabitkan perubahan dalam pentadbiran awam apabila semakin banyak perkhidmatan sektor awam diberikan kepada sektor swasta menerusi dasar penswastaan, iaitu strategi yang diperlukan bagi pembangunan.

Akibatnya, katanya, bilangan mereka yang mempercayai bahawa kerajaan akan sentiasa bertindak untuk memastikan yang terbaik bagi rakyat, semakin berkurangan.

"Motifnya diragui, kemampuannya dipersoalkan dan sifat hormat kepada kerajaan beransur-ansur lemah," katanya.

Abdullah berkata, unsur perubahan itu kompleks serta pelbagai, mungkin disebabkan sifat politik itu sendiri, baik dalam kerajaan mahu pun

pembangkok yang cenderung menabur banyak janji sehingga meningkatkan pengharapan sebahagian rakyat dan kemarahan sebahagian yang lain.

Apa pun, katanya, bilangan rakyat yang menuntut supaya kehendak mereka dilayan kerajaan dan merasakan diri mereka berkuasa untuk bertindak sedemikian semakin bertambah.

"Pendidikan, maklumat, perbandaran dan kekayaan atau taraf kehidupan lebih tinggi menjadikan rakyat lebih memilih, cenderung mengadu, menyedari hak dan pilihan mereka dan kemungkinan besar akan menggunakannya," katanya.